



Prosedur Operasi Piawai Penyaringan Staf/Pelajar Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT) Pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

Disediakan oleh IPPT COVID-19 Pandemic Taskforce 2020



TATACARA PENYARINGAN

A. Di Kompleks Penyelidikan Klinikal (CTC), Kompleks Penyelidikan Haiwan (ARC), Bangunan Kejuruteraan, Klinik Pakar Pergigian dan Bangunan Baru

1. Hanya satu laluan disediakan untuk masuk ke kawasan kompleks iaitu melalui pintu masuk utama. Laluan pintu utama ini akan dibahagikan kepada dua iaitu laluan staf/pelajar IPPT, dan laluan selain staf/pelajar IPPT (termasuk pesakit/waris/pelawat).
2. Pengawal keselamatan akan mengukur suhu badan kepada selain staf/pelajar IPPT. Butiran nama, nombor telefon dan suhu akan dicatatkan dalam buku saringan. Jika suhu badan didapati normal, maka akan dibenarkan masuk. Sekiranya suhu badan tinggi (melebihi 37.5 darjah Celsius), maka akan dirujuk ke kaunter saringan di bangunan CTC untuk tindakan lanjut.
3. Penyaringan ke atas semua staf/pelajar IPPT yang akan masuk ke CTC, ARC, Bangunan Kejuruteraan, Klinik Pakar Pergigian dan Bangunan Baru akan dilakukan di Kaunter Saringan CTC.
4. Sekiranya suhu didapati tinggi, staf/pelajar tersebut akan dirujuk ke Kaunter Demam di ruang hadapan lobi Perkhidmatan Kesihatan Eksekutif (EHS) untuk tindakan lanjut.

B. Di Kompleks SAINS@BERTAM

1. Semua staf/pelajar/pelawat yang akan memasuki kawasan Kompleks SAINS@BERTAM akan disaring di pintu masuk utama oleh Pengawal Keselamatan IPPT.
2. Pengawal Keselamatan akan mengukur suhu badan. Butiran nama, nombor telefon dan suhu akan dicatatkan di dalam buku saringan. Jika suhu badan didapati normal, maka akan dibenarkan masuk. Jika suhu badan tinggi, maka akan diarahkan untuk berehat selama 5 minit sebelum ukuran suhu badan kali ke dua diambil.
3. Jika suhu badan kali kedua normal, maka dibenarkan masuk ke Kompleks SAINS@BERTAM.
4. Jika suhu badan masih tinggi, maka tidak dibenarkan masuk ke Kompleks SAINS@BERTAM dan dinasihatkan untuk mendapatkan rawatan di klinik atau hospital yang berdekatan dengan kadar segera.

Disemak dan diluluskan oleh;

(PROFESOR DR. SYED AZHAR SYED SULAIMAN)

Pengarah

Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT)

Universiti Sains Malaysia (USM), Kepala Batas, Pulau Pinang

TARIKH: 1 JUN 2020